

Tawar perkhidmatan terutama seks kepada kaum sejenis

# Melayu paling ramai terjebak *money boy*

Oleh AHMAD SHAZWAN  
MD. YUSOF

pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 8 MEI

**L**EBIH 85 peratus daripada lelaki yang terjebak dalam gejala *money boy* adalah kaum Melayu yang ingin mengejar kemewahan menerusi jalan singkat dengan menawarkan pelbagai perkhidmatan terutama seks kepada kaum sejenis.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Datuk Dr. Mohammad Shatar Sabran berkata, kajian yang dijalankannya ke atas 30 responden yang terdiri daripada *money boy* pada 2010 hingga 2012 di sekitar Lembah Klang mendapati, rata-rata daripada mereka berusia antara 15

hingga 30 tahun.

Katanya, gejala itu kian menular dalam kalangan masyarakat terutama generasi muda dan dikhuatiri bakal mencetuskan pelbagai masalah sosial sekiranya pencegahan awal tidak dilakukan.

“Gejala *money boy* di negara ini semakin serius namun tidak disedari masyarakat umum kerana kegiatan mereka sukar untuk dikenal pasti dan dijalankan menerusi ‘jalan belakang’. Aktiviti itu kian menular kerana pendapatan lumayan yang diperoleh bagi setiap perkhidmatan yang ditawarkan.

“Langkah pencegahan segera perlu diambil

bil pihak berkuasa sebelum perkara itu menjadi lebih parah kerana dikhuatiri akan menjadi masalah sosial lain seperti lumba haram, dadah, rogol dan sebagainya,” katanya.



MOHAMMAD SHATAR

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas menyampaikan syarahan perdana bertajuk *Money Boy: Masalah Sosial Era Generasi Y*, di UPM, dekat sini, semalam.

Mengulas lanjut, Mohammad Shatar berkata, kebanyakan *money boy* tidak kesal melakukan kegiatan tidak bermoral tersebut sebaliknya gembira dengan aktiviti yang dijalankan.

Katanya, golongan tersebut terdiri daripada pelbagai latar belakang termasuk berpendidikan tinggi dan mempunyai ajaran agama yang kukuh.

“Masyarakat perlu berganding bahu untuk menyampaikan maklumat kepada pihak berkuasa jika mengetahui mengenai aktiviti itu dan bukannya hanya mengharapkan usaha kerajaan dan agensi-agensi tertentu.

“Cara tersebut diharap dapat membantu mengurangkan gejala *money boy* di negara ini serta menghapuskan kegiatan tidak bermoral itu daripada terus merosakkan anak bangsa kita,” katanya.